

12/08/2002

Persatuan Cina wajar henti isu perkauman tanpa beralih

AMARAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan dengan kedudukan sekolah Cina, adalah jelas dan tegas. Perdana Menteri mensasarkan kumpulan itu supaya jangan sekali-kali bermain api dengan membangkitkan isu perkauman kerana ia boleh mengakibatkan huru-hara. Lebih cepat teguran itu dipatuhi oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) serta 35 persatuan Cina lain yang terdahulu membantah pelaksanaan berkenaan, lebih baik keadaannya bagi semua pihak. Segala keresahan dan kekeliruan yang ditimbulkan, boleh turut ditamatkan.

Sesungguhnya isu ini tidak boleh dibiarkan berlarutan diputarbelitkan. Baik Dong Zong, Jiao Zong mahupun DPCS juga tidak boleh mengelak daripada dipertanggungjawabkan. Daripada awal penentangan mereka awal bulan ini, masyarakat Cina diselewengkan dengan gambaran palsu kononnya langkah terbaru kerajaan itu kesudahannya bertujuan menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) kepada Sekolah Kebangsaan. Akhbar Cina turut menggembar-gemburkannya sebagai 'lidah rasmi' pertubuhan berkenaan dengan bayangan sekolah Cina akan kehilangan identitinya. Lebih malang lagi, semua itu bukan pun berpunca daripada salah tafsiran, sebaliknya direka sedemikian rupa bagi membangkitkan kemarahan masyarakat Cina terhadap kerajaan.

Keresahan antara kaum adalah sesuatu yang berbahaya, apatah lagi jika ia didasarkan kepada sesuatu yang tidak pun berasas. Sebagaimana ditegaskan Dr Mahathir, kerajaan tiada niat untuk menukar status atau identiti sekolah Cina. Tambahan pula pindaan Akta Pendidikan yang diluluskan pada 1996 - atas desakan golongan pendidikan Cina - turut memansuhkan hak kepada menteri menukar identiti sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Apakah bentuk jaminan lagi yang mereka mahukan. Bagaimana mungkin kerajaan membelakangkan undang-undang untuk melaksanakan perubahan drastik yang menyalahi akta berkenaan melainkan ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk mengada-adakan sesuatu yang tiada demi kepentingan mereka sendiri. Atau mereka mengharap kerajaan akan sentiasa tunduk kepada kehendak dan tuntutan mereka.

Sebaliknya kini Dong Zong dan Jiao Zong mendakwa pertubuhan serta masyarakat Cina menjadi mangsa media dan parti politik tertentu kerana dilabel bersikap perkauman gara-gara menentang pelaksanaan pengajaran dalam bahasa Inggeris itu. Sikap mereka tidak ubah seperti 'baling batu sembunyi tangan' walhal merekalah yang lebih dulu menimbulkan isu perkauman. Sikap berpilih-pilih mereka dengan hanya menghebahkan sesuatu pandangan kepada akhbar Cina tetapi sering berhelah apabila dihubungi akhbar berbahasa Melayu, juga memperlihatkan pendekatan penuh bermuslihat dan mengamalkan perkauman. Anehnya mereka kini mengalihkan semua itu kepada orang lain untuk dipersalahkan.

Ada baiknya akhbar Cina turut mengambil iktibar daripada keributan ini untuk memaparkan laporan lebih seimbang daripada hanya mengapi-apikan sentimen kecinaan. Begitu juga parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina seharusnya berperanan memperjelaskan dasar kerajaan dan matlamatnya daripada disalahertikan. Apa juga yang sudah dilakukan MCA dan Gerakan setakat ini masih jauh daripada diharapkan

sedangkan keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan adalah muktamad. Untungnya, dalam isu ini, orang Melayu lebih bersikap tunggu dan lihat daripada bertindak balas. Dalam mendepani keadaan seperti ini, adalah penting disedari bahawa kemakmuran yang dinikmati selama ini adalah hasil kerjasama dan tolak ansur semua kaum yang sanggup mengetepikan kepentingan kecil sendiri demi kepentingan bersama tanpa menjejaskan identiti mereka.